

# 30,000 Rohingya, Arakan disyaki guna dokumen palsu

## Imigresen tumpaskan dua sindiket, tahan 16 warga asing

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jabatan Imigresen menumpaskan dua sindiket pemalsuan dokumen yang bergiat sejak dua tahun lalu di ibu kota dengan menyediakan dokumen kepada lebih 30,000 warga Myanmar.


Kegiatan itu terbongkar dalam serbuan imigresen jam 2.10 petang kelmarin dan menahan 16 warga asing terdiri 15 Myanmar dan seorang Bangladesh.

Seorang warga tempatan yang juga pemilik premis yang disewakan kepada warga asing terbabit turut dikenakan saman sebagai saksi bagi membantu siasatan.

Sindiket itu didapati membekalkan surat rayuan, surat perlindungan dan surat bantuan perubatan kepada Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) untuk warga Myanmar.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimée Daud, berkata sindiket turut dikesan menyediakan perkhidmatan memalsukan dan meminda maklumat 'bio-page' pasport antarabangsa pelbagai negara dan membuat pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Katanya, serbuan hasil ri-



**Khairul Dzaimée menunjukkan dokumen palsu yang dirampas pada sidang media di Putrajaya, semalam.** (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

sikan selama dua bulan itu mendapati purata individu mendapatkan khidmat pemalsuan dokumen daripada sindiket itu antara 30 hingga 50 orang sehari.

Katanya, pelanggan dikenakan caj bayaran bergantung kepada jenis dokumen yang ditempah antara RM30 hingga RM150 dan ia dapat disiapkan

pada hari sama kepada mereka yang menetap di kawasan Lembah Klang.

"Sindiket ini juga menerima tempahan daripada pelanggan di seluruh Semenanjung, dengan pelanggan mereka hanya perlu menghantar butiran peribadi dan gambar melalui beberapa aplikasi termasuk WhatsApp. Dokumen yang sudah siap akan

dihantar melalui kurier selepas bayaran selesai dibuat.

"Sindiket ini dipercayai menggunakan dokumen palsu berkenaan bagi mengelak ditahan oleh pihak berkuasa sehingga mereka mendapat surat temujanji daripada UNHCR bagi mendapatkan dokumen pertubuhan itu secara sah.

"Sindiket ini menyasarkan warga Myanmar iaitu etnik Rohingya dan Arakan (Muslim) yang baru tiba di negara ini secara haram," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Khairul Dzaimée berkata, aktiviti sindiket ini dihidu dan dipantau sejak Mei lalu sebagai tindakan kepada aktiviti pendaratan etnik Rohingya di pantai Kuala Muda, Kedah pada Mac tahun lalu.

"Dalang sindiket ini adalah warga Myanmar. Ketika pemeriksaan, kami menemui surat rayuan, surat perlindungan dan surat bantuan perubatan kepada UNHCR untuk warga Myanmar.

"Rangka (template) surat pengesahan pemeriksaan COVID-19 klinik swasta turut ditemui di dalam pemacu dan komputer riba. Selain itu kita turut merampas dokumen yang disyaki palsu iaitu 13 keping i-Kad Imigresen, 35 kad UNHCR dan masing-masing tiga unit komputer riba dan komputer, enam mesin pencetak, empat mesin laminat dan lima pemacu.

"Turut ditemui ialah enam mesin pencetak, empat mesin lamina dan lima pemacu, beberapa keping kad lamina hologram UNHCR, kad nikah muslim Myanmar dan kad pertubuhan Rohingya di Malaysia," katanya.